

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR DATUK RABİYAH BINTI ALI
TARIKH : 4 DISEMBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO.7

YB Senator Datuk Rabiyah Binti Ali minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang dirancang bagi menambah jumlah TASKA-TASKA milik Kerajaan di seluruh negara agar bebanan kos jagaan anak-anak kumpulan B40 ini ditangani dengan lebih menyeluruh dan meliputi semua kumpulan masyarakat sama ada yang bekerja di sektor awam mahupun swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar tentang keperluan perkhidmatan TASKA dan sentiasa bersedia untuk membantu golongan B40 dengan menyediakan beberapa inisiatif kepada rakyat, sama ada golongan yang menubuhkan TASKA atau golongan yang memerlukan perkhidmatan TASKA ini. Jumlah TASKA yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah sebanyak **4,402** buah, yang merangkumi TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam, TASKA di Tempat Kerja Sektor Swasta, TASKA Komuniti dan TASKA di Rumah.

Walau bagaimanapun, TASKA yang berdaftar dengan JKM ini dijangka hanya 10 peratus daripada jumlah TASKA yang ada di seluruh Malaysia. Kementerian juga mengadakan pelbagai program seperti Jom Daftar yang mana JKM akan membantu pengusaha-pengusaha TASKA untuk membuat pendaftaran.

Bagi menjawab soalan spesifik berkaitan langkah-langkah yang dirancang untuk menambahkan jumlah TASKA, Kerajaan akan menubuhkan lebih banyak lagi TASKA di tempat kerja. Penubuhan TASKA di tempat kerja ini adalah sebagai kemudahan kepada ibu bapa bagi memastikan keselamatan dan perkembangan kanak-kanak terjamin serta dapat memantau anak-anak mereka di TASKA.

Sehubungan itu, dalam ucapan Belanjawan 2019, Kementerian ini diberi tanggungjawab untuk menguruskan peruntukan **RM10 juta** yang disediakan kepada **50** buah TASKA di bangunan Kerajaan bagi menggalakkan penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam. Mekanisme permohonan peruntukan ini masih diselaraskan di peringkat Kementerian dan permohonan penubuhan TASKA di tempat kerja daripada agensi Kerajaan akan diberi pertimbangan terlebih dahulu. Anggaran sebanyak RM200,000.00 akan diluluskan bagi setiap permohonan penubuhan TASKA di tempat kerja.

SOALAN NO.7

Di samping itu, Kementerian telah menjalankan satu program pemutihan bermula dari Putrajaya yang mana anggota penguat kuasa telah menyemak semua kawasan perumahan dan pangsapuri di Putrajaya agar dapat mengumpul maklum balas daripada pengusaha TASKA yang tidak berdaftar serta membantu pengusaha-pengusaha tersebut membuat pendaftaran. Seterusnya, Kementerian akan memperluaskan program ini ke seluruh negara setelah mengkaji semula hasil dapatan maklum balas tersebut.